



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 344

AKTA POLIS 1967

Sebagaimana pada 1 Jun 2016

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan PEGUAM NEGARA, bagi *The Police Act 1967* sebagaimana disemak dalam tahun 1988. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

AKTA POLIS 1967

Pertama kali perbuat	1967 (Akta No. 41 tahun 1967)
Disemak	1988 (Akta 344 m.b.p. 6 Oktober 1988)
Kali terakhir dipinda oleh Akta A1495 yang mula berkuat kuasa pada	18 Januari 2016

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 344****AKTA POLIS 1967**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I**PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian

BAHAGIAN II**TAFSIRAN**

2. Tafsiran

BAHAGIAN III**POLIS DIRAJA MALAYSIA**

3. Keanggotaan Pasukan Polis
4. Kawalan Pasukan
5. Pelantikan Ketua Polis Negara, dsb.
6. Kawalan Polis Diraja Malaysia dalam sesuatu Negeri, dsb
7. Mengguna khidmat Pasukan dalam masa darurat

BAHAGIAN IV**PEGAWAI POLIS TAMBAHAN DAN
KONSTABEL PENJAGA**

Seksyen

8. Pegawai polis tambahan
9. Konstabel penjaga

BAHAGIAN V**PERKHIDMATAN DI LUAR MALAYSIA DAN
PERKHIDMATAN POLIS DARI WILAYAH LAIN
DALAM MALAYSIA**

10. Yang di-Pertuan Agong boleh mengarahkan Polis Diraja Malaysia berkhidmat di luar Malaysia
11. Pegawai yang berkhidmat di luar Malaysia hendaklah tertakluk kepada Akta ini
12. Layanan bersaling

BAHAGIAN VI**PELANTIKAN, PERKHIDMATAN, DSB.**

13. Akuan oleh pegawai polis apabila dilantik
14. Perakuan pelantikan
15. Persaraan atau peletakan jawatan dalam masa perang atau darurat
16. Peletakan jawatan semasa prosiding disiplin belum selesai
17. Senjata, perlengkapan, dsb., diserah balik apabila tidak lagi menjadi anggota Pasukan
18. Pegawai polis tertakluk kepada peruntukan yang terpakai kepada pegawai awam

BAHAGIAN VII**TUGAS DAN KUASA PEGAWAI POLIS**

19. Pegawai polis hendaklah disifatkan sebagai bertugas
20. Tugas am pegawai polis

Seksyen

21. Tugas di jalan awam
22. Harta yang tidak dituntut
23. Estet yang tidak dituntut
24. Kuasa pegawai polis untuk memeriksa lesen, kenderaan, dsb.
25. Kuasa untuk menahan dan memeriksa pesawat udara
26. Kuasa untuk mendirikan sekatkan jalan
27. (*Dipotong*)
- 27A. (*Dipotong*)
- 27B. (*Dipotong*)
- 27C. (*Dipotong*)
28. Kuasa untuk mengawal selia permainan muzik di tempat awam
29. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah dan perintah bagi mengawal lalu lintas
30. Kuasa untuk membuat perintah bagi mengawal pertunjukan bendera, dsb.
31. Kuasa untuk membuat perintah bagi menghendaki orang berada dalam rumah
32. Tiada liabiliti terhadap perbuatan yang dilakukan di bawah kuasa waran
33. Pengecualian berkenaan dengan proses sivil

BAHAGIAN VIII

SUKARELAWAN SIMPANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

34. Penubuhan Sukarelawan Simpanan
35. Anggota Sukarelawan Simpanan
36. Pelantikan pegawai polis sukarelawan simpanan, dsb.
37. Pangkat sukarelawan yang dilantik dalam Sukarelawan Simpanan
38. Pegawai polis sukarelawan simpanan boleh dikehendaki meletakkan jawatan
39. Akuan oleh pegawai polis sukarelawan simpanan
40. Perakuan pelantikan
41. Peletakan jawatan
42. Gaji dan elaun
43. Pengerahan Sukarelawan Simpanan

Seksyen

44. Ketua Polis Negara boleh menggunakan khidmat pegawai polis sukarelawan simpanan untuk menjalankan tugas polis
45. Kuasa pegawai polis sukarelawan simpanan
46. Menempatkan semula dalam pekerjaan sivilian

BAHAGIAN IX

POLIS BANTUAN

47. Pelantikan pegawai polis bantuan
48. Akuan hendaklah dibuat oleh pegawai polis bantuan
49. Perakuan pelantikan
- 49A. Gaji dan elaun
50. Tugas dan kuasa, dsb.

BAHAGIAN X

SIMPANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

51. Simpanan Polis Diraja Malaysia
52. Liabiliti untuk berkhidmat dalam Polis Simpanan
53. Pegawai polis bersara yang tidak bertanggungan berkhidmat boleh memilih untuk berkhidmat
54. Tempoh perkhidmatan dalam Polis Simpanan
55. Pengerahan Polis Simpanan
56. Polis simpanan dikehendaki melapor
57. Kuasa pegawai polis apabila dikerah
58. Pangkat dalam Polis Simpanan
59. Gaji dan elaun
60. Cuti
61. Penahanan pencen
62. Dilepaskan daripada Polis Simpanan
63. Diberhentikan daripada Polis Simpanan dan rayuan
64. Penamatan perkhidmatan dalam masa pengerahan

Seksyen

65. Pakaian seragam dan peralatan
66. Menempatkan semula dalam pekerja sivilian pegawai polis dalam Polis Simpanan
67. Penalti

BAHAGIAN XI

KOR KADET POLIS DIRAJA MALAYSIA

68. Penubuhan Kor Kadet
69. Anggota Kor Kadet
70. Pelantikan, kenaikan pangkat dan pembuangan kerja Pegawai Kadet dan Kadet
71. Peletakan jawatan
72. Gaji dan elaun
73. Pembubaran

BAHAGIAN XII

DISIPLIN

74. Pegawai polis tertakluk kepada peraturan-peraturan disiplin
75. Denda didapati daripada potongan gaji
76. Gaji penuh tidak terakru semasa tidak hadir tanpa kebenaran atau semasa dalam penjara
77. Senjata, kelengkapan, dsb., yang hilang atau rosak hendaklah diganti dengan potongan gaji
78. Tahan kerja
79. Jawatankuasa Siasatan bagi Jabatan berkenaan dengan kematian atau kecederaan mana-mana pegawai polis atau berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan harta
80. Kuasa pegawai kanan polis yang mengadakan penyiasatan untuk menyaman saksi

BAHAGIAN XIII**KUMPULAN WANG POLIS**

Seksyen

81. Kumpulan Wang Polis
82. Kumpulan Wang Polis dan maksud Kumpulan Wang
83. Pemindahan kumpulan wang
84. Tafsiran

BAHAGIAN XIV**AM**

85. Membawa senjata
 86. Pembolosan
 87. Dahagi
 88. Penalti kerana menyebabkan penderhakaan
 89. Memiliki, membuat, menjual atau membekalkan secara haram peralatan yang dibekalkan kepada pegawai polis dan penggunaan pakaian seragam polis tanpa kebenaran
 90. Kelakuan tidak senonoh di balai polis
 91. Pegawai polis boleh menangkap tanpa waran bagi kesalahan di bawah subseksyen 31(2), seksyen 86, 87, 89 dan 90
 92. Pegawai polis tidak boleh menjadi anggota Kesatuan Sekerja
 93. Persatuan polis
 94. Penalti am
 95. Kaedah-kaedah
 96. Peraturan-Peraturan Polis
 97. Perintah Tetap
 98. Pemansuhan dan kecualian
 99. Masa peralihan
 100. Mengubahsuai undang-undang lain
- JADUAL PERTAMA—Pangkat Polis
- JADUAL KEDUA—Akuan Jawatan
- JADUAL KETIGA—Pemansuhan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 344

AKTA POLIS 1967

Suatu Akta berhubungan dengan organisasi, disiplin, kuasa dan tugas Polis Diraja Malaysia dan perkara yang bersampingan dengannya.

[Seluruh Malaysia—29 Ogos 1967; P.U. 385A/1967
Wilayah Persekutuan Labuan lihat appendiks]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Polis 1967, dan terpakai di seluruh Malaysia.

(2) (*Ditinggalkan*).

BAHAGIAN II

TAFSIRAN

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“amunisi” ertinya amunisi untuk apa-apa senjata, dan meliputi grenad, bom dan misil lain yang serupa, sama ada boleh digunakan dengan senjata atau tidak, dan sesuatu amunisi yang mengandungi, atau direka bentuk atau dipadankan untuk mengandungi, apa-apa cecair, gas atau benda lain yang berbahaya;

“daerah polis” atau “bahagian polis” ertinya mana-mana kawasan yang ditetapkan sebagai demikian oleh Ketua Polis Negara di bawah perenggan 6(b) dan kecuali dan sehingga kawasan itu telah ditetapkan, ertinya mana-mana kawasan yang dijadikan atau diiktirafkan sebagai daerah polis atau bahagian polis pada permulaan kuat kuasa Akta ini;

“Ketua Pegawai Polis” ertinya seseorang pegawai polis yang diberi kuasa oleh Ketua Polis Negara mengawal Polis Diraja Malaysia mengenai mana-mana kawasan atau Negeri di bawah seksyen 6 dan yang ditetapkan sebagai demikian oleh Ketua Polis Negara;

“Ketua Polis Negara” ertinya Ketua Polis Negara yang dilantik di bawah seksyen 5;

“konstabel” ertinya seseorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Koperal dan termasuk seseorang Rekrut;

“pegawai kanan polis” ertinya seseorang pegawai polis daripada apa-apa pangkat dan termasuk Ketua Polis Negara ke bawah hingga dan termasuk seseorang Inspektor dalam percubaan;

“Pegawai Memerintah” ertinya seseorang pegawai polis yang diberi kuasa oleh Ketua Polis Negara mengawal Polis Diraja Malaysia mengenai mana-mana Negeri, kawasan, tempat, formasi atau daerah polis di bawah seksyen 6 dan ditetapkan sebagai demikian oleh Ketua Polis Negara;

“pegawai polis” ertinya seseorang anggota Polis Diraja Malaysia;

“pegawai rendah polis” ertinya seseorang pegawai polis daripada apa-apa pangkat dari dan termasuk seseorang Sub-Inspektor ke bawah hingga dan termasuk seseorang Koperal;

“Pesuruhjaya” ertinya Pesuruhjaya Polis yang dilantik di bawah seksyen 5;

“senjata” termasuk amunisi;

“Timbalan Ketua Polis Negara” ertinya Timbalan Ketua Polis Negara yang dilantik di bawah seksyen 5.

(2) Apa-apa rujukan dalam Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain kepada seorang pegawai polis yang berpangkat tertentu hendaklah termasuk mana-mana pegawai polis yang sedang memangku, atau dalam percubaan atau dalam latihan, dalam pangkat sedemikian dan subseksyen ini hendaklah disifatkan sebagai bahagian yang melengkapkan bagi Akta ini dari permulaan kuat kuasa Akta ini.

BAHAGIAN III

POLIS DIRAJA MALAYSIA

Keanggotaan Pasukan Polis

3. (1) Semua orang yang sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Akta ini adalah anggota Polis Diraja Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Polis Diraja Malaysia 1963 [Akta 30/1963], hendaklah apabila permulaan kuat kuasa Akta ini menjadi anggota Polis Diraja Malaysia di bawah Akta ini (kemudian daripada ini disebut sebagai “Pasukan”) dengan pangkat yang bersamaan dan atas sifat yang bersamaan.

(2) Tiap-tiap orang yang tersebut dahulu hendaklah diambil kerja atas terma dan syarat yang sama yang dipakai bagi mereka sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Akta ini.

(3) Tertakluk kepada Akta ini, Pasukan hendaklah diguna khidmat di dalam dan di seluruh Malaysia (termasuk perairan wilayahnya) bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan

mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah dan mengumpul risikan keselamatan.

Kawalan Pasukan

4. (1) Pasukan hendaklah di bawah perintah Ketua Polis Negara yang adalah seorang pegawai polis dan hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri bagi kawalan dan arahan Pasukan dan semua orang lain yang dilantik atau diguna khidmat untuk menjalankan tugas polis, dan hendaklah mempunyai semua kuasa yang diberi kepada seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis.

(2) Maka hendaklah dilantik seorang Timbalan Ketua Polis Negara yang adalah seorang pegawai polis dan hendaklah berada di bawah arahan Ketua Polis Negara.

(3) Timbalan Ketua Polis Negara hendaklah mempunyai semua kuasa yang diberi kepada seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis.

(4) Mana-mana perbuatan atau perkara yang boleh dilakukan, diperintahkan atau dilaksanakan oleh Ketua Polis Negara di bawah undang-undang ini atau di bawah mana-mana undang-undang yang lain boleh, tertakluk kepada perintah dan arahannya, dilakukan, diperintahkan atau dilaksanakan oleh Timbalan Ketua Polis Negara, Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya Kanan, atau Penolong Pesuruhjaya yang diberi kuasa secara am atau khas bagi maksud itu oleh Ketua Polis Negara; dan sekiranya dia berada di luar Malaysia atau tidak berupaya menjalankan tugasnya atau sedang bercuti, fungsi Ketua Polis Negara di bawah undang-undang ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain bolehlah dijalankan oleh Timbalan Ketua Polis Negara atau mana-mana pegawai polis lain yang berpangkat tidak rendah daripada Pesuruhjaya yang diberi kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong.

Pelantikan Ketua Polis Negara, dll.

5. (1) Maka hendaklah dilantik seorang Ketua Polis Negara, seorang Timbalan Ketua Polis Negara dan beberapa Pesuruhjaya dan Timbalan Pesuruhjaya dan pegawai kanan polis dan pegawai rendah polis dan konstabel sebagaimana disifatkan perlu bagi maksud melaksanakan Akta ini.

(2) Pangkat bagi Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis adalah seperti disenaraikan di dalam Jadual Pertama.

Kawalan Polis Diraja Malaysia dalam sesuatu Negeri, dll.

6. Anggota Pasukan hendaklah berkenaan dengan—

- (a) mana-mana kawasan atau Negeri yang ditentukan oleh Menteri, dikawal oleh seorang Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis; dan
- (b) mana-mana formasi, daerah polis atau bahagian polis atau kawasannya atau mana-mana tempat, dikawal oleh mana-mana pegawai polis yang ditentukan oleh Ketua Polis Negara sama ada dengan menyebut nama atau jawatannya.

Mengguna khidmat Pasukan dalam masa darurat

7. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, dalam masa perang atau darurat lain, mengguna khidmat Pasukan atau mana-mana bahagiannya untuk berkhidmat bersama dengan Angkatan Tentera Malaysia atau mana-mana Angkatan Tempatan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, atau, secara lain, dalam mempertahankan Malaysia:

Dengan syarat bahawa mana-mana bahagian Pasukan yang diguna khidmat sedemikian hendaklah terus berada di bawah perintah Ketua Polis Negara atau mana-mana pegawai polis lain yang telah dilantik bagi maksud itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini ungkapan “Pasukan” meliputi semua badan yang ditubuh atau didirikan bagi menjalankan tugas polis di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IV

PEGAWAI POLIS TAMBAHAN DAN KONSTABEL PENJAGA

Pegawai polis tambahan

8. (1) Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis boleh, dengan kelulusan Ketua Polis Negara, mengambil kerja orang untuk berkhidmat secara sementara sebagai pegawai polis tambahan bagi pangkat Sarjan Mejar atau ke bawah.

(2) Seseorang pegawai polis tambahan hendaklah disifatkan sebagai di bawah perjanjian untuk berkhidmat dari sebulan ke sebulan, setiap perjanjian tersebut bermula pada satu hari bulan dan tamat pada hari terakhir pada tiap-tiap bulan yang berturutan.

(3) Seseorang pegawai polis tambahan boleh dilepaskan atau boleh meletak jawatan dengan diberi atau dengan memberi satu bulan notis bertulis oleh atau kepada Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis.

(4) Seseorang pegawai polis tambahan hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa dan keistimewaan, dan hendaklah tertakluk kepada kuasa dan disiplin yang sama sebagai, seorang anggota Pasukan yang mempunyai pangkat yang bersamaan, dan hendaklah mematuhi semua arahan yang sah berkenaan dengan pelaksanaan tugasnya yang mungkin diterimanya dari semasa ke semasa daripada pegawai atasannya.

Konstabel penjaga

9. (1) Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis boleh, dengan kelulusan Ketua Polis Negara, atas permohonan oleh mana-mana orang (kemudian daripada ini, di dalam seksyen ini disebut sebagai “pemohon”) untuk seorang konstabel diambil bekerja dengan tugas

has, mengambil kerja mana-mana orang yang sesuai sebagai konstabel penjaga bagi maksud tugas khas itu sahaja. Konstabel penjaga sedemikian hendaklah diambil kerja dengan perbelanjaan pemohon, yang hendaklah menyediakan tempat penginapan dan makanan untuk konstabel penjaga tersebut seperti yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis dan bolehlah dikehendaki membayar bagi apa-apa pakaian seragam yang dibekalkan kepada konstabel penjaga tersebut atau mana-mana kadar dari itu yang boleh ditentukan oleh Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis:

Dengan syarat bahawa pemohon boleh, dengan memberi satu bulan notis kepada Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis, menghendaki supaya konstabel penjaga sedemikian ditarikh balik daripada menjalankan tugas khas tersebut, dan dalam keadaan sedemikian, pemohon hendaklah tidak bertanggungan bagi apa-apa perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan pengambilan konstabel penjaga tersebut selepas hari terakhir bulan berikut di mana notis tersebut telah diberikan ke dalam hasil am Persekutuan.

(2) Apa-apa amaun yang kena dibayar daripada seorang pemohon di bawah seksyen ini boleh didapatkan oleh Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis sebagai hutang, dan, apabila diterima, hendaklah dibayar ke dalam hasil am Persekutuan.

(3) Seseorang konstabel penjaga hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa dan keistimewaan, dan hendaklah tertakluk kepada kuasa dan disiplin yang sama sebagai, seorang konstabel Pasukan.

BAHAGIAN V

**PERKHIDMATAN DI LUAR MALAYSIA DAN
PERKHIDMATAN POLIS DARI WILAYAH LAIN DALAM
MALAYSIA**

Yang di-Pertuan Agong boleh mengarahkan Polis Diraja Malaysia berkhidmat di luar Malaysia

10. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas permintaan bagi maksud itu yang dibuat oleh Kerajaan sesuatu wilayah di luar Malaysia, dengan perintah mengarahkan mana-mana bahagian daripada Polis Diraja Malaysia yang didapatinya sesuai supaya menjalankan tugas polis dalam wilayah itu dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah menyatakan dalam perintah itu bagi maksud apakah arahan itu dibuat.

(2) Tiada apa-apa perintah di bawah seksyen ini boleh dibuat melainkan Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa peruntukan-peruntukan yang memadai telah atau akan dibuat dengan segera dalam undang-undang wilayah yang tersebut dahulu itu—

- (a) bagi menguatkuaskan di dalam wilayah tersebut apa-apa kontrak perkhidmatan yang dibuat di antara anggota Polis Diraja Malaysia dan Kerajaan Malaysia;
- (b) bagi memberi kuasa kepada pegawai polis Polis Diraja Malaysia yang berkhidmat di dalam wilayah tersebut di bawah seksyen ini kuasa dan tugas pegawai polis di dalam wilayah tersebut; dan
- (c) bagi memastikan bahawa layanan bersaling diberi kepada Kerajaan Malaysia.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada seorang pun pegawai polis boleh dihantar ke luar Malaysia di bawah Bahagian ini melainkan Menteri berpuas hati bahawa perkiraan wajar telah dibuat bagi perkhidmatan pegawai polis Malaysia dengan pihak berkuasa wilayah yang tersebut dahulu.

Pegawai yang berkhidmat di luar Malaysia hendaklah tertakluk kepada Akta ini

11. Semua pegawai polis yang berkhidmat dalam wilayah di luar Malaysia menurut subseksyen 10(1) hendaklah tertakluk kepada Akta ini.

Layanan bersaling

12. (1) Apabila, atas permintaan Kerajaan Malaysia dan pada menurut perintah yang dibuat oleh Kerajaan suatu wilayah lain, anggota pasukan polis wilayah tersebut dihantar ke Malaysia untuk menjalankan tugas polis di dalam Malaysia, anggota itu hendaklah tertakluk kepada subseksyen (3), berada di bawah perintah pegawai atasan mereka sendiri yang ada bersama mereka dan hendaklah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sama seperti semasa berkhidmat di dalam wilayah itu.

(2) Apabila, mana-mana anggota pasukan polis suatu wilayah lain, menurut subseksyen (1), berada di dalam Malaysia, apa-apa kontrak perkhidmatan yang dibuat di antara mana-mana anggota badan itu dan Kerajaan wilayah itu boleh dikuat kuasa di dalam Malaysia dengan cara yang sama dan dengan efek yang sama seolah-olah kontrak itu telah dibuat di antara anggota itu dan Kerajaan Malaysia.

(3) Mana-mana anggota pasukan polis suatu wilayah lain yang berada dalam Malaysia sebagaimana tersebut dahulu hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan kuasa, dan hendaklah bertanggungan bagi melaksanakan tugas, seorang pegawai polis Pasukan; dan anggota pasukan polis wilayah itu hendaklah tertakluk kepada kawalan keseluruhan seorang pegawai kanan polis Pasukan.

BAHAGIAN VI**PELANTIKAN, PERKHIDMATAN, DSB.****Akuan oleh pegawai polis apabila dilantik**

13. Tiap-tiap pegawai polis dan pegawai polis tambahan hendaklah, apabila mula-mula masuk Pasukan atau sebelum mula menjalankan tugas jawatannya, membuat di hadapan seorang pegawai kanan polis berpangkat Penguasa atau ke atas akuan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua mengikut apa-apa cara yang diakuinya sebagai paling berkesan pada perasaan hatinya.

Perakuan pelantikan

14. Suatu perakuan pelantikan, dalam bentuk sebagaimana ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Polis, ditandatangani oleh seorang Pegawai Memerintah atau seorang pegawai kanan polis yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu, hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap pegawai polis, pegawai polis tambahan dan konstabel penjaga dan hendaklah menjadi keterangan mengenai pelantikannya di bawah Akta ini.

Persaraan atau peletakan jawatan dalam masa perang atau darurat

15. Tiada seorang pun pegawai polis boleh bersara atau meletak jawatan daripada Pasukan dalam masa perang atau semasa Pengisytiharan Darurat masih berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa seorang pegawai polis boleh bersara atau dibenarkan meletak jawatan jika disyorkan sedemikian oleh Ketua Polis Negara.

Peletakan jawatan semasa prosiding disiplin belum selesai

16. Walau apa pun seksyen 15, tiada seorang pun pegawai polis, tanpa kebenaran bertulis Ketua Polis Negara, boleh meletak jawatan daripada Pasukan dalam masa belum selesai apa-apa prosiding disiplin atau pendakwaan yang dibawa terhadapnya mengenai apa-apa kesalahan yang dia mungkin dituduh.

Senjata, perlengkapan, dll. hendaklah diserahkan apabila tidak lagi menjadi anggota Pasukan

17. (1) Apabila seorang pegawai polis tidak lagi menjadi anggota Pasukan dia hendaklah dengan serta-merta menyerahkan balik kepada orang yang dilantik oleh Ketua Polis Negara bagi maksud itu, atau kepada pegawai polis yang mengetuai mana-mana bahagian Pasukan di tempat di mana dia akhir sekali ditempatkan, perakuan pelantikannya dan semua senjata, amunisi, perlengkapan, pakaian seragam, dan peralatan lain yang telah dibekalkan kepadanya dan yang mana adalah harta awam:

Dengan syarat bahawa Ketua Polis Negara boleh, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawah Akta ini, dalam hal-hal khas membenarkan disimpan barang-barang tertentu, selain senjata dan amunisi, atas apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Perintah Tetap.

(2) Mana-mana pegawai polis yang, setelah tidak lagi menjadi anggota Pasukan, tanpa sebab yang baik tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, dan, sebagai tambahan, hendaklah bertanggungan membayar nilai harta yang tidak diserah balik itu, dan nilai itu boleh ditentukan oleh mahkamah secara terus dan boleh didapatkan kembali sebagai suatu denda.

(3) Dalam seksyen 15 dan 16 dan dalam seksyen ini ungkapan “pegawai polis” meliputi semua orang yang dilantik atau diambil kerja untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini; dan ungkapan

“Pasukan” termasuk semua badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini.

Pegawai polis tertakluk kepada peruntukan yang terpakai kepada pegawai awam

18. Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Akta ini dan dalam Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Polis yang dibuat di bawahnya, tiap-tiap pegawai polis hendaklah melainkan dikecualikan dengan nyata, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang sama seperti yang terpakai kepada pegawai awam yang lain yang mempunyai taraf bersamaan dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan.

BAHAGIAN VII**TUGAS DAN KUASA PEGAWAI POLIS****Pegawai polis hendaklah disifatkan sebagai bertugas**

19. Tiap-tiap pegawai polis, pegawai polis tambahan dan konstabel penjaga, bagi maksud Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai sentiasa bertugas apabila dikehendaki bertindak sebagai demikian dan hendaklah melaksanakan tugas dan menjalankan kuasa yang diberi kepadanya di bawah mana-mana undang-undang lain di mana-mana tempat dalam Malaysia di mana dia mungkin menjalankan tugas.

Tugas am pegawai polis

20. (1) Tiap-tiap pegawai polis hendaklah melaksanakan tugas dan menjalankan kuasa yang dipertanggungkan atau diberikan oleh undang-undang ke atas atau kepada seorang pegawai polis, dan hendaklah mematuhi semua arahan yang sah berkenaan dengan pelaksanaan jawatannya yang mungkin diterimanya dari semasa ke semasa daripada pegawai atasannya dalam Pasukan.

(2) Jika sesuatu tugas, kuasa atau budi bicara dipertanggungkan atau diberi oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain ke atas atau kepada seorang pegawai polis daripada apa-apa pangkat tertentu atau yang memegang apa-apa jawatan tertentu, pegawai polis itu hendaklah, dalam melaksanakan tugas itu atau menjalankan kuasa atau budi bicara itu, tertakluk kepada perintah dan arahan mana-mana pegawai polis yang dibawahnya dia bertugas secara langsung, dan mana-mana pegawai polis yang kemudian tersebut itu, jika keadaan memerlukan dan didapatinya bermanfaat untuk berbuat demikian, hendaklah sendirinya melaksanakan tugas itu atau menjalankan kuasa atau budi bicara itu.

(3) Tanpa menjelaskan keluasan peruntukan yang tersebut di atas atau mana-mana undang-undang lain adalah menjadi tugas seorang pegawai polis melaksanakan maksud yang tersebut dalam subseksyen 3(3); dan dia boleh mengambil langkah-langkah yang sah dan melakukan perbuatan yang sah yang perlu berkaitan dengannya, termasuk—

- (a) menangkap semua orang yang mana dia diberi kuasa oleh undang-undang untuk menangkap;
- (b) memproses risikan keselamatan;
- (c) menjalankan pendakwaan;
- (d) memberi bantuan dalam melaksanakan mana-mana undang-undang berhubungan dengan hasil, eksais, kebersihan, kuarantin, imigresen dan pendaftaran;
- (e) memberi bantuan dalam mengekalkan ketenteraman di pelabuhan dan lapangan terbang Malaysia, dan dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan kelautan dan pelabuhan;
- (f) melaksanakan saman, sepina, waran, perintah memenjara dan proses lain yang dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana pihak berkuasa yang kompeten;
- (g) mempamerkan maklumat;

- (h) melindungi harta yang tidak dituntut dan yang hilang dan mencari pemunyanya;
 - (i) menyita binatang yang berkeliaran dan menempatkannya dalam kandang awam;
 - (j) memberi bantuan dalam melindungi nyawa dan harta;
 - (k) melindungi harta awam daripada hilang atau rosak;
 - (l) menghadiri mahkamah jenayah dan, jika diperintah dengan khas, mahkamah sivil, dan menjaga ketenteraman di dalamnya; dan
 - (m) mengiring dan menjaga banduan dan orang lain yang ada dalam jagaan polis.
- (4) Seorang pegawai polis semasa melaksanakan tugas yang tersebut dalam perenggan (3)(m) hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai penjara, dan hendaklah mempunyai semua kuasa, perlindungan dan keistimewaan yang ada pada seorang pegawai penjara.

Tugas di jalan awam

21. (1) Adalah menjadi tugas pegawai polis—

- (a) mengatur, mengawal dan melencongkan mana-mana lalu lintas;
- (b) menjaga ketenteraman di jalan awam, lorong, jalan tembus dan tempat mendarat, dan tempat kunjungan awam yang lain dan tempat di mana orang awam ada akses; dan
- (c) mencegah halangan pada waktu perhimpunan di jalan awam dan lorong, dan dalam mana-mana hal, bila mana-mana jalan, lorong, jalan tembus dan tempat

mendarat atau feri mungkin penuh sesak atau menjadi terhalang.

(2) Seseorang yang menghalang, membangkang atau ingkar menurut apa-apa arahan yang munasabah yang diberi oleh mana-mana pegawai polis dalam melaksanakan tugasnya di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh ditangkap tanpa waran melainkan dia memberi kepada pegawai polis itu nama dan alamatnya dan selainnya memuaskan hati pegawai polis itu yang dia akan mematuhi dengan sewajarnya apa-apa saman atau prosiding lain yang mungkin diambil terhadapnya.

Harta yang tidak dituntut

22. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), adalah menjadi tugas tiap-tiap pegawai polis untuk menjaga harta alih yang tidak dituntut yang diberikan oleh mana-mana orang kepadanya, atau yang dijumpai olehnya; dan dia hendaklah menyerahkan harta itu kepada pegawai yang menjaga balai polis yang berhampiran sekali, yang mana hendaklah menyebabkan ditampal di suatu tempat yang mudah dilihat di balai polis itu suatu notis menyatakan harta itu dan meminta sesiapa yang mungkin ada apa-apa tuntutan ke atasnya dalam tempoh dua bulan dari tarikh notis itu supaya hadir dan membuktikan tuntutannya.

(2) Jika harta yang tersebut dahulu adalah daripada jenis mudah musnah, pegawai yang menjaganya boleh menyebabkan harta itu dijual dengan segera dan hendaklah menghantar kepada Pegawai Penjaga Daerah Polis hasil jualan itu; dan hasil jualan itu hendaklah, selepas ditolak apa-apa perbelanjaan yang semunasabahnya ditanggung, dibayar kepada orang yang dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) membuktikan tuntutannya ke atasnya.

(3) Mana-mana harta yang tersebut dahulu, yang tidak dituntut dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) boleh dijual atau, secara lain dilupuskan atau dimusnahkan mengikut cara yang diarahkan oleh Pegawai Memerintah; dan keuntungan daripada apa-apa jualan harta itu hendaklah, selepas ditolak apa-apa perbelanjaan yang semunasabahnya ditanggung dalam jualan itu, dibahagikan secara berikut—

- (a) apa-apa bahagian yang diarahkan oleh Pegawai Memerintah boleh dibayar kepada orang yang menjumpai harta itu;
- (b) lima puluh ringgit yang pertama daripada bakinya, jika ada, hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang Polis yang ditubuhkan di bawah Bahagian XIII dan selebihnya hendaklah dibayar kepada hasil am Persekutuan.

(4) Tiada seorang pun pegawai polis atau pegawai polis tambahan boleh membeli mana-mana harta yang dijual di bawah seksyen ini; dan mana-mana pegawai polis atau pegawai polis tambahan yang melanggar subseksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan terhadap disiplin.

Estet yang tidak dituntut

23. (1) Apabila seseorang mati dengan meninggalkan dalam Malaysia harta alih yang oleh sebab tiadanya seseorang yang berhak kepadanya atau tiadanya apa-apa tuntutan ke atas harta itu bagi maksud pentadbiran, diambil oleh pegawai polis ke dalam jagaannya bagi maksud simpanan selamat, Pegawai Memerintah hendaklah segera memberitahu Pegawai Pentadbir Pusaka, Pegawai Probet atau Pentadbir dalam Negeri di mana harta itu terletak bahawa harta itu adalah dalam jagaannya; dan sementara menunggu arahan Pegawai Pentadbir Pusaka, Pegawai Probet atau Pentadbir itu, Pegawai Memerintah hendaklah menyimpan harta itu dengan selamat.

(2) Berkenaan dengan hal harta dari jenis mudah musnah atau yang mungkin akan merosot nilainya, seorang Pegawai Memerintah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis

boleh memerintahkannya dijual dan keuntungan jualan itu hendaklah diberikan kepada Pegawai Pentadbir Pusaka, Pegawai Probet atau Pentadbir.

Kuasa pegawai polis untuk memeriksa lesen, kenderaan, dsb.

24. (1) Mana-mana pegawai polis boleh—

(a) memberhentikan dan menahan mana-mana orang—

- (i) yang dilihatnya sedang melakukan apa-apa perbuatan atau ada dalam miliknya apa-apa benda; atau
- (ii) yang dia ada alasan yang munasabah bagi mengesyaki sedang melakukan apa-apa perbuatan atau ada dalam miliknya apa-apa benda;

yang baginya lesen, permit atau kebenaran yang diperlukan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa, bagi maksud menghendaki orang mengemukakan lesen, permit atau kebenaran itu;

(b) memberhenti dan memeriksa tanpa waran mana-mana kenderaan atau vesel yang disyakinya atas alasan yang munasabah sedang digunakan dalam melakukan apa-apa kesalahan terhadap mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa kenderaan atau vesel itu tidak boleh, tertakluk kepada subseksyen (4), ditahan lebih lama daripada semunasabahnya perlu untuk menyempurnakan pemeriksaan itu.

(2) Seseorang yang tidak mengemukakan lesen, permit atau kebenaran di bawah perenggan (1)(a) apabila diminta berbuat demikian oleh seorang pegawai polis boleh ditangkap tanpa waran melainkan dia memberi kepada pegawai polis itu nama dan alamatnya dan, selainnya, memuaskan hati pegawai polis itu yang dia

akan mematuhi dengan sewajarnya apa-apa saman atau prosiding lain yang mungkin diambil terhadapnya.

(3) Seseorang yang tidak mematuhi apa-apa isyarat munasabah yang diberikan oleh seorang pegawai polis, menghendaki mana-mana orang memberhentikan apa-apa kenderaan atau vesel di bawah subseksyen (1) atau menghalang mana-mana pegawai polis dalam melaksanakan tugasnya di bawah subseksyen itu, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dan mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran, menangkap orang itu melainkan dia memberi nama dan alamatnya dan, selainnya, memuaskan hati pegawai polis yang dia akan mematuhi dengan sewajarnya apa-apa saman atau prosiding lain yang mungkin diambil terhadapnya.

(4) Mana-mana pegawai polis boleh menyebabkan mana-mana kenderaan atau vesel, yang dia ada alasan yang munasabah untuk mengesyaki telah digunakan dalam melakukan suatu kesalahan terhadap mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa atau sebagai keterangan mengenai apa-apa kesalahan yang telah dilakukan, dipindahkan ke ibu pejabat Daerah Polis yang berhampiran sekali atau ke tempat lain yang sesuai, dan Pegawai Penjaga Daerah Polis itu boleh dengan itu menyebabkan kenderaan atau vesel itu ditahan di situ, sementara menunggu penyiasatan, bagi tempoh tidak melebihi empat puluh lapan jam, atau jika, dalam tempoh itu, prosiding dimulakan mengenai apa-apa kesalahan di mana kenderaan atau vesel itu boleh dilucutahkan di bawah mana-mana undang-undang atau boleh dengan sewajarnya dikemukakan sebagai keterangan, sehingga keputusan muktamad prosiding itu:

Dengan syarat bahawa Pegawai Penjaga Daerah Polis itu boleh, walau apa pun subseksyen ini, mengarahkan supaya kenderaan atau vesel itu dilepaskan jika dia berpuas hati bahawa pemunya atau orang yang menjaga kenderaan atau vesel itu akan mengemukakan kenderaan atau vesel itu dengan sewajarnya di hadapan mahkamah apabila dikehendaki, dan bagi maksud itu boleh menghendaki pemunya atau orang itu menyempurnakan suatu bon atau mendepositkan apa-apa sekuriti yang difikirkannya munasabah.

Kuasa untuk menahan dan memeriksa pesawat udara

25. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana pegawai kanan polis boleh, di mana-mana lapangan terbang atau di mana-mana tempat lain dalam Malaysia, menahan dan tanpa waran memeriksa mana-mana pesawat udara (yang bukannya pesawat udara yang dipunyai oleh, atau digunakan secara eksklusif dalam perkhidmatan, Kerajaan atau Kerajaan mana-mana Negeri asing); dan mengenai mana-mana pesawat udara tersebut yang sedang bergerak di mana-mana lapangan terbang atau di mana-mana tempat lain dalam, atau sedang dalam penerbangan di angkasa, Malaysia, seorang pegawai kanan polis boleh, tertakluk seperti tersebut dahulu, memerintah pesawat udara itu berhenti atau mendarat di mana-mana lapangan terbang atau di mana-mana tempat lain yang dinyatakan olehnya.

(2) Kuasa yang diberi kepada pegawai kanan polis di bawah subseksyen (1) tidak boleh dijalankan olehnya kecuali—

(a) di mana dia ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa pesawat udara yang tersebut dalam subseksyen itu sedang atau telah digunakan dalam melakukan sesuatu kesalahan yang boleh ditangkap; atau

(b) bagi maksud menangkap seseorang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan suatu kesalahan yang boleh ditangkap.

(3) Apa-apa perintah supaya berhenti atau mendarat yang diberi di bawah subseksyen (1) hendaklah dipancarkan ke pesawat udara oleh pegawai yang sedang menjaga kawalan trafik udara; tetapi tiada sesuatu pesawat udara boleh diperintah mendarat di mana-mana lapangan terbang atau di mana-mana tempat lain yang, pada pendapat pegawai yang sedang menjaga kawalan trafik udara, tidak selamat untuk digunakan oleh pesawat udara itu.

(4) Seksyen 24 berhubungan dengan menggerakkan, menahan dan melepaskan mana-mana kenderaan dan vesel yang ditahan di bawah seksyen itu adalah terpakai bagi sesuatu pesawat udara yang ditahan di bawah seksyen ini seolah-olah rujukan di dalamnya—

- (a) kepada mana-mana pegawai polis hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada seorang pegawai kanan polis;
- (b) kepada ibu pejabat Daerah Polis yang berhampiran sekali atau kepada mana-mana Pegawai Penjaga Daerah Polis itu hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada lapangan terbang yang berhampiran sekali dan kepada Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana lapangan terbang itu terletak.

(5) Seseorang yang tidak, tanpa sebab yang munasabah, mematuhi sesuatu perintah yang diberi di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa untuk mendirikan sekatan jalan

26. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang lain, mana-mana pegawai polis boleh, jika difikirkannya perlu untuk berbuat demikian bagi memelihara dan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman atau untuk mencegah atau mengesan jenayah, mendirikan atau meletakkan atau menyebabkan didirikan atau diletakkan apa-apa sekatan di atas atau melintang mana-mana jalan awam atau lorong atau di mana-mana tempat awam dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut; dan mana-mana pegawai polis boleh mengambil semua langkah yang munasabah untuk mencegah mana-mana orang daripada melalui atau mana-mana kenderaan daripada merempuh lalu mana-mana sekatan itu.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi apa-apa isyarat yang munasabah yang diberi oleh seorang pegawai polis yang menghendaki orang atau kenderaan itu berhenti sebelum sampai mana-mana sekatan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya; dan mana-mana pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap orang itu melainkan dia memberi nama dan alamatnya dan, selainnya, memuaskan hati pegawai polis yang dia akan mematuhi dengan sewajarnya apa-apa saman atau prosiding lain yang mungkin diambil terhadapnya.

(3) Tiada seorang pun pegawai polis boleh bertanggungan terhadap apa-apa kerugian, kecederaan atau kerosakan yang berlaku ke atas mana-mana orang atau apa-apa harta berbangkit daripada langkah-langkah yang diambil olehnya yang tersebut dalam subseksyen (1).

27. (*Dipotong oleh Akta A1421*).

27A. (*Dipotong oleh Akta A1421*).

27B. (*Dipotong oleh Akta A1421*).

27c. (*Dipotong oleh Akta A1421*).

Kuasa untuk mengawal selia permainan muzik di tempat awam

28. Mana-mana Pegawai Penjaga Daerah Polis atau seorang pegawai kanan polis dalam Daerah itu boleh, dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut, mengawal selia setakat mana alat-alat muzik boleh dimainkan di tempat awam dalam Daerah Polis itu.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah dan perintah bagi mengawal lalu lintas

29. (1) Seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis boleh berkenaan dengan suatu Negeri, dengan kelulusan Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri tersebut, mengikut mana yang berkenaan, membuat kaedah-kaedah bagi—

(a) menjaga ketenteraman dan mencegah halangan atau kesulitan di jalan awam, lorong, jalan tembus, tempat mendarat dan feri dan di tempat awam dan di tempat kunjungan awam (sama ada tempat itu di atas tanah Kerajaan atau selainnya);

(b) melarang digunakan jalan awam, lorong, jalan tembus, tempat mendarat dan feri yang tertentu sama ada dengan mutlak atau bersyarat.

(2) Seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis boleh membuat perintah menetapkan jalan yang dikehendaki dilalui oleh kenderaan bagi maksud menurunkan atau mengambil orang, hingga dan apabila meninggalkan mana-mana tempat mendarat, feri atau tempat perhimpunan atau tempat kunjungan awam, dan tempat di mana dan tertib bagaimana kenderaan itu dikehendaki menunggu bagi maksud yang tersebut dahulu:

Dengan syarat bahawa tiada sesuatu perintah yang menghendaki kenderaan diletakkan di atas tanah kepunyaan pihak persendirian di bawah subseksyen ini boleh dibuat kecuali dengan keizinan pemunya atau penduduk tanah itu.

(3) Maka bolehlah dikenakan bagi pelanggaran apa-apa kaedah atau perintah yang tersebut dahulu suatu penalti tidak melebihi dua ratus ringgit.

Kuasa untuk membuat perintah bagi mengawal penunjukan bendera, dsb.

30. (1) Seorang Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis boleh, dengan perintah, secara amnya atau berkenaan dengan waktu atau tempat tertentu atau dalam hal keadaan tertentu, melarang dalam Negeri itu—

- (a) dikibarkan, dipamerkan atau ditunjukkan apa-apa bendera, panji-panji, lambang atau plakad atau lambang lain;
- (b) digunakan apa-apa pembesar suara, amplifier atau apa-apa perkakas lain;

dengan cara yang mungkin membangkitkan kekacauan keamanan; dan mana-mana pegawai polis boleh membuang apa-apa bendera, panji-panji, lambang, plakad atau lambang lain atau mana-mana pembesar suara, amplifier, atau perkakas lain yang dikibarkan,

dipamerkan, ditunjukkan atau digunakan dengan melanggar perintah tersebut atau dalam hal keadaan yang mungkin membangkitkan kekacauan keamanan.

(2) Seseorang yang melanggar sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa untuk membuat perintah bagi menghendaki orang berada dalam rumah

31. (1) Seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis boleh, jika difikirkannya perlu untuk kepentingan keselamatan Malaysia atau keselamatan mana-mana bahagiannya atau untuk kepentingan ketenteraman awam, dengan perintah menghendaki, tertakluk kepada syarat atau pengecualian itu yang difikirkannya bermanfaat, tiap-tiap orang dalam kawasan bidang kuasanya yang ditetapkan dalam perintah itu supaya berada dalam rumah di antara waktu yang ditetapkan di dalamnya; dan Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis hendaklah dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut membawa atau menyebabkan dibawa ke pengetahuan semua orang yang mungkin terlibat dengannya akan kandungan perintah itu.

(2) Seseorang yang berada di luar rumah dalam waktu yang dinyatakan dalam perintah itu adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini melainkan orang itu memiliki suatu permit bertulis bagi maksud itu daripada—

- (a) Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis yang tersebut dahulu;
- (b) seorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Sub-Inspektor yang secara lansung di bawah perintah Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis yang tersebut dahulu; atau
- (c) seorang pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis yang tersebut dahulu untuk mengeluarkan permit bertulis tersebut.

(3) Tiada apa-apa perintah di bawah subseksyen (1) terpakai kepada—

- (a) Yang di-Pertuan Agong, Raja, Yang Dipertua Negeri;
- (b) mana-mana pegawai polis atau mana-mana anggota mana-mana angkatan laut, tentera atau udara yang ditubuhkan atau berkhidmat dalam Malaysia apabila bertugas; atau
- (c) mana-mana orang atau golongan orang yang dinyatakan dalam perintah itu sebagai orang yang dikecualikan daripada perintah itu.

(4) Tiada apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh berkuat kuasa berterusan lebih daripada dua puluh empat jam dari masa ianya dibuat:

Dengan syarat bahawa Menteri, pada atau sebelum tamat tempoh perintah itu, boleh mengarahkan supaya perintah itu hendaklah berkuat kuasa seterusnya bagi apa-apa tempoh lanjutan tidak lebih daripada empat belas hari sebagaimana dinyatakan olehnya dan, apabila dibuat apa-apa arahan sedemikian, perintah itu hendaklah berkuat kuasa seterusnya bagi tempoh lanjutan itu.

(5) Subseksyen (1) berhubungan dengan memberi notis kandungan perintah yang dibuat di bawah subseksyen tersebut, adalah terpakai bagi arahan Menteri yang dibuat di bawah subseksyen (4).

Tiada liabiliti terhadap perbuatan yang dilakukan di bawah kuasa waran

32. (1) Jika pembelaan kepada mana-mana guaman yang dibawa terhadap seorang pegawai polis, pegawai polis tambahan, pegawai polis sukarelawan simpanan atau seorang pegawai polis bantuan adalah bahawa perbuatan yang diadukan telah dilakukan pada menurut suatu waran yang berupa sebagai dikeluarkan oleh sesuatu pihak berkuasa yang kompeten, mahkamah hendaklah, apabila dikemukakan waran yang mengandungi tandatangan pihak berkuasa

itu dan apabila dibuktikan bahawa perbuatan yang diadukan itu telah dilakukan pada menurut waran itu, mencatatkan hukuman memihak kepada pegawai polis, pegawai polis tambahan, pegawai polis sukarelawan simpanan atau pegawai polis bantuan itu.

(2) Tiada apa-apa bukti mengenai tandatangan pihak berkuasa itu dikehendaki melainkan mahkamah ada sebab bagi meragui ketulenannya; dan di mana dibuktikan bahawa tandatangan itu tidak tulen, hukuman hendaklah masih diberi memihak kepada pegawai polis atau pegawai polis tambahan itu jika dibuktikan bahawa, pada waktu perbuatan yang diadukan itu dilakukan, dia percaya atas alasan yang munasabah bahawa tandatangan itu adalah tulen.

Pengecualian berkenaan dengan proses sivil

33. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2)—

(a) gaji dan elaun seorang pegawai rendah polis atau konstabel tidak boleh diserah hak atau dipindah hak milik atau boleh ditahan, disekestrasikan atau dilevi bagi, atau mengenai, apa-apa juga hutang atau tuntutan;

(aa) hutang yang kena dibayar kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [Akta 767] berkenaan dengan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan oleh Lembaga itu;

(b) tiada seorang pun pegawai rendah polis atau konstabel boleh dipenjarakan di bawah sesuatu perintah oleh mana-mana mahkamah atas sebab tidak membayar apa-apa hutang yang telah ditanggungnya atau mengenainya dia boleh bertanggungan.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi—

(a) hutang yang kena dibayar kepada mana-mana Kerajaan dalam Malaysia;

- (b) denda yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang;
 - (c) suatu perintah untuk membayar mas kahwin, alimoni atau nafkah yang dibuat bawah mana-mana undang-undang.
- (3) Gaji dan elaun seorang pegawai rendah polis atau konstabel tidak boleh dipindahkan kepada Pegawai Pemegang Harta apabila pegawai polis itu bankrap, juga gaji dan elaun itu tidak boleh menjadi sebahagian daripada pusakanya bagi maksud mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam Malaysia berhubungan dengan kebankrapan.

BAHAGIAN VIII

SUKARELAWAN SIMPANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

Penubuhan Sukarelawan Simpanan

34. (1) Maka hendaklah ditubuhkan dalam dan bagi Malaysia suatu badan bernama Sukarelawan Simpanan Polis Diraja Malaysia (kemudian dari ini disebut “Sukarelawan Simpanan”) yang hendaklah terdiri daripada sebilangan pegawai kanan polis sukarelawan simpanan, pegawai rendah polis sukarelawan simpanan dan konstabel sukarelawan simpanan yang diizinkan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa.

(2) Bagi maksud Bahagian ini ungkapan “pegawai polis sukarelawan simpanan” ertiannya mana-mana anggota Sukarelawan Simpanan.

Anggota Sukarelawan Simpanan

35. Seseorang (bukan anggota Angkatan Tentera Malaysia atau mana-mana Pasukan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis) yang berumur tidak rendah daripada lapan belas tahun atau lebih daripada lima puluh tahun, dan memiliki kelayakan yang ditetapkan boleh menawarkan diri dan diterima untuk lantikan dalam Sukarelawan Simpanan.

Pelantikan pegawai polis sukarelawan simpanan, dsb.

36. (1) Pegawai kanan polis sukarelawan simpanan berpangkat Penolong Penguasa dan ke atas boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Ketua Polis Negara, dengan persetujuan Menteri, bagi pihak Yang di-Pertuan Agong.

(2) Pegawai kanan polis sukarelawan simpanan berpangkat Ketua Inspektor dan ke bawah boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Ketua Polis Negara.

(3) Pegawai rendah polis sukarelawan simpanan dan konstabel sukarelawan simpanan boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh seorang Pegawai Memerintah.

(4) Pelantikan, kenaikan pangkat, peletakan jawatan, pelepasan atau pembuangan kerja tiap-tiap pegawai kanan polis sukarelawan simpanan yang berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas hendaklah disiarkan dalam *Warta Persekutuan*.

Pangkat sukarelawan yang dilantik dalam Sukarelawan Simpanan

37. Orang yang dilantik dalam Sukarelawan Simpanan boleh memegang pangkat pegawai kanan polis sukarelawan simpanan, pegawai rendah polis sukarelawan simpanan atau konstabel sukarelawan simpanan, mengikut mana yang berkenaan, mengikut kelayakan mereka.

Pegawai sukarelawan simpanan boleh dikehendaki meletakkan jawatan

38. Seseorang pegawai polis sukarelawan simpanan boleh dikehendaki meletakkan jawatan oleh pihak berkuasa pelantikan jika pihak berkuasa itu berpendapat bahawa pegawai itu tidak, atas apa-apa sebab, berupaya menjalankan dengan cekap tugasnya yang dikehendaki atau mungkin dikehendaki untuk melaksanakan dengan cekap sebagai seorang anggota Sukrelawan Simpanan.

Akuan oleh pegawai polis sukarelawan simpanan

39. Tiap-tiap pegawai polis sukarelawan simpanan hendaklah, sebelum mula menjalankan tugasnya, membuat di hadapan seorang pegawai kanan polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pengguna, dengan apa-apa cara yang dia boleh akui sebagai paling berkesan pada perasaan hatinya, akuan yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua.

Perakuan pelantikan

40. Suatu perakuan pelantikan, dalam bentuk yang ditetapkan, hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap pegawai polis sukarelawan simpanan dan hendaklah menjadi keterangan mengenai pelantikannya di bawah Akta ini.

Peletakan jawatan

41. Seseorang pegawai polis sukarelawan simpanan boleh meletakkan jawatan dari Sukarelawan Simpanan dengan memberi satu bulan notis secara bertulis kepada seorang Pegawai Memerintah:

Dengan syarat bahawa jika Sukarelawan Simpanan atau manama bahagiannya sedang dikerah, seorang pegawai polis sukarelawan simpanan tidak boleh meletakkan jawatan melainkan dibenarkan dengan nyata secara bertulis untuk berbuat demikian oleh seorang Pegawai Memerintah.

Gaji dan elaun

42. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seorang pegawai polis sukarelawan simpanan hendaklah berkhidmat dengan sukarela dan tidak berhak menuntut apa-apa saraan bagi perkhidmatannya, kecuali elaun yang ditetapkan.

(2) Apabila dikerah, seorang pegawai polis sukarelawan simpanan hendaklah menerima apa-apa gaji dan elaun yang

ditetapkan bagi seorang pegawai polis yang bersamaan pangkat dan kekananan dalam pangkat itu.

Mengerah Sukarelawan Simpanan

43. (1) Bagi apa-apa maksud berkenaan dengan keamanan dan ketenteraman di Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya Ketua Polis Negara boleh dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri, mengerah Sukarelawan Simpanan atau mana-mana bahagian daripadanya untuk menjalankan tugas polis; dan pengerahan itu tidak boleh terhenti kuat kuasanya sehingga diperuntukkan selainnya dengan perintah yang dibuat oleh Ketua Polis Negara dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri.

(2) Tiap-tiap pegawai polis sukarelawan simpanan yang dikerah di bawah subseksyen (1) hendaklah berhimpun di mana-mana tempat yang diarahkan oleh Ketua Polis Negara.

(3) Seorang pegawai polis sukarelawan simpanan yang dikerah di bawah subseksyen (1) yang tanpa sebab yang munasabah, beban pembuktian hendaklah terletak dengannya, enggan atau abai berkhidmat adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Ketua Polis Negara boleh menggunakan khidmat pegawai polis sukarelawan simpanan untuk menjalankan tugas polis

44. Jika Sukarelawan Simpanan tidak dikerah, Ketua Polis Negara boleh menggunakan khidmat seorang pegawai polis sukarelawan simpanan untuk menjalankan tugas polis sebagaimana diarahkan olehnya.

Kuasa pegawai polis sukarelawan simpanan

45. Seseorang pegawai polis sukarelawan simpanan apabila melaksanakan tugas polis hendaklah mempunyai kuasa dan tugas yang sama dan perlindungan dan imuniti yang sama dan hendaklah

tertakluk kepada pihak berkuasa dan disiplin yang sama seperti pegawai polis yang bersamaan pangkat dengannya.

Menempatkan semula dalam pekerjaan sivilian

46. (1) Adalah menjadi kewajipan majikan yang telah mengambil kerja mana-mana pegawai polis sukarelawan simpanan selama tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum sahaja tarikh pegawai itu dikerah di bawah Bahagian ini untuk mengambil kerja semula pegawai itu apabila dia selesai menjalankan perkhidmatan aktif menurut pengerahan itu termasuk apa-apa cuti yang terhak baginya bagi perkhidmatan itu dalam pekerjaan dan di bawah syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang tetap dipakai baginya sekiranya dia tidak dikerah.

(2) Mana-mana majikan yang tidak mengambil kerja semula mana-mana pegawai polis sukarelawan simpanan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan tertakluk sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa dalam mana-mana prosiding di bawah subseksyen ini adalah menjadi suatu pembelaan bagi majikan untuk menunjukkan bahawa pegawai polis sukarelawan simpanan yang telah diambil kerja olehnya dahulu telah tidak, sebelum tamat tempoh satu bulan selepas selesai perkhidmatan aktif, memohon kepada majikan untuk bekerja semula atau bahawa, setelah ditawarkan pekerjaan semula olehnya, pegawai itu telah tidak, tanpa sebab yang munasabah menghadirkan diri untuk bekerja pada masa dan di tempat yang telah diberitahu kepadanya oleh majikan itu, atau bahawa oleh sebab perubahan hal keadaan (lain daripada menggunakan khidmat seseorang lain bertugas menggantikannya)—

(a) adalah tidak praktik untuk mengambil kerja semula pegawai itu; atau

- (b) pengambilan kerja semula pegawai itu dalam suatu pekerjaan dan di bawah syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang akan dipakai baginya sekiranya dia tidak dikerah adalah tidak praktik, dan bahawa majikan itu telah menawarkan untuk mengambil kerja semula pegawai itu dalam suatu pekerjaan yang paling baik yang semunasabahnya praktik di bawah hal keadaan itu.

BAHAGIAN IX

POLIS BANTUAN

Pelantikan pegawai polis bantuan

47. (1) Ketua Polis Negara, dengan persetujuan Menteri, boleh melantik atau menaikkan pangkat mana-mana orang untuk berkhidmat dalam Polis Bantuan sebagai pegawai kanan polis bantuan dengan pangkat kehormat Penguin, Timbalan Penguin, Penolong Penguin atau Inspektor, dan boleh menetapkan kawasan di mana pegawai itu akan berkhidmat.

(2) Seorang Pegawai Memerintah atau mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu, dengan atau tanpa perjanjian bertulis, boleh melantik atau menaikkan pangkat mana-mana orang untuk berkhidmat dalam Polis Bantuan sebagai pegawai rendah polis bantuan dengan pangkat kehormat sub-inspektor, sarjan mejar, sarjan atau koperal atau sebagai seorang konstabel polis bantuan dan boleh menetapkan kawasan di mana pegawai itu akan berkhidmat.

(3) Bagi maksud Bahagian ini, ungkapan “pegawai polis bantuan” ertinya mana-mana anggota Polis Bantuan.

Akuan hendaklah dibuat oleh pegawai polis bantuan

48. Tiap-tiap pegawai polis bantuan hendaklah, sebelum mula menjalankan tugas jawatannya, membuat di hadapan seorang pegawai kanan polis berpangkat tidak rendah daripada Penolong

Penguasa akuan yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua mengikut apa-apa cara yang diakuinya sebagai paling berkesan pada perasaan hatinya.

Perakuan pelantikan

49. Suatu perakuan pelantikan dalam bentuk yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Polis, ditandatangani oleh seorang pegawai kanan polis berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh seorang Pegawai Memerintah, hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap pegawai polis bantuan dan hendaklah menjadi keterangan mengenai pelantikannya di bawah Akta ini.

Gaji dan elaun

49A. Seseorang pegawai polis bantuan hendaklah berkhidmat secara sukarela dan tidak berhak menerima apa-apa saraan bagi perkhidmatan tersebut, kecuali apa-apa elaun yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa berkenaan dengan tugas tertentu.

Tugas dan kuasa, dsb.

50. Yang di-Pertuan Agong boleh melalui kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan menetapkan tugas, kuasa dan keistimewaan pegawai polis bantuan dan kawasan dalam mana tugas, kuasa dan keistimewaan itu boleh dijalankan atau dinikmati oleh pegawai itu.

BAHAGIAN X

SIMPANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

Simpanan Polis Diraja Malaysia

51. (1) Maka hendaklah ditubuhkan Simpanan Polis Diraja Malaysia (kemudian daripada ini disebut sebagai “Polis Simpanan”).

(2) Polis Simpanan hendaklah terdiri daripada pegawai polis yang menjadi anggota Polis Simpanan di bawah Bahagian ini.

Liabiliti untuk berkhidmat dalam Polis Simpanan

52. (1) Tiap-tiap pegawai polis bersara hendaklah menjadi anggota Polis Simpanan jika dia dilantik menjadi seorang pegawai polis pada atau selepas berkuat kuasanya Akta ini dan dia adalah seorang warganegara pada masa persaraannya.

(2) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi mana-mana pegawai polis yang telah bersara atas sebab sakit atau kehilangan upaya jasmani atau kehilangan upaya lain.

Pegawai Polis bersara yang tidak bertanggungan berkhidmat boleh memilih untuk berkhidmat

53. (1) Walau apa pun seksyen 52 seorang pegawai polis yang tidak bertanggungan untuk berkhidmat dalam Polis Simpanan atas alasan bahawa pelantikannya dalam Pasukan adalah sebelum tarikh yang disebut dalam seksyen itu boleh didaftarkan sebagai seorang anggota Polis Simpanan:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun pegawai polis boleh didaftarkan sebagai anggota Polis Simpanan jika dia telah bersara selama tempoh sepuluh tahun atau telah mencapai umur lima tahun lebih daripada umur persaraan yang diwajibkan, mengikut mana yang lebih awal.

(2) Seksyen yang berikut dalam Bahagian ini hendaklah terpakai bagi seorang pegawai polis didaftarkan sebagai seorang anggota Polis Simpanan di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi seorang pegawai polis yang bertanggungan berkhidmat dalam Polis Simpanan.

Tempoh perkhidmatan dalam Polis Simpanan

54. Tiap-tiap anggota Polis Simpanan (kemudian daripada ini disebut sebagai “pegawai polis simpanan”) hendaklah, tertakluk kepada seksyen 62, 63, dan 64, berkhidmat dalam Polis Simpanan selama tempoh sepuluh tahun dari tarikh persaraannya atau sehingga dia mencapai umur lima tahun lebih daripada umur persaraan yang diwajibkan, mengikut mana yang lebih awal.

Pengerahan Polis Simpanan

55. (1) Polis Simpanan atau mana-mana bahagian daripadanya boleh dikerah dengan sesuatu perintah oleh Yang di-Pertuan Agong pada bila-bila masa apabila keselamatan Malaysia terancam atau apabila suatu Pengisytiharan Darurat dikeluarkan.

(2) Subseksyen (1) tidak akan melibatkan mana-mana pegawai polis simpanan yang adalah seorang Anggota Parlimen atau Dewan Perundangan sesuatu Negeri atau seseorang yang menyandang pelantikan bergaji dalam Kerajaan Malaysia atau kerajaan mana-mana Negeri, selama mana dia adalah seorang Anggota atau menyandang pelantikan itu.

Polis Simpanan dikehendaki melapor

56. Tiap-tiap pegawai polis simpanan yang dikerah di bawah seksyen 55 hendaklah melaporkan diri di tempat dan pada masa yang diperintahkan oleh Ketua Polis Negara atau seorang pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Ketua Polis Negara.

Kuasa pegawai polis apabila dikerah

57. Seseorang pegawai polis simpanan apabila dikerah hendaklah mempunyai kuasa dan tugas yang sama dan perlindungan dan imuniti yang sama sebagai seorang pegawai polis yang bersamaan pangkat dengannya dan hendaklah tertakluk dalam semua keadaan kepada

Akta ini, dan apa-apa kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan perintah tetap yang dibuat di bawahnya.

Pangkat dalam Polis Simpanan

58. Seseorang pegawai polis simpanan tidak boleh dikehendaki berkhidmat dalam Polis Simpanan dengan pangkat lebih rendah daripada yang disandangnya pada masa bersara.

Gaji dan elaun

59. Gaji dan elaun seseorang pegawai polis simpanan yang dikerah untuk berkhidmat dalam Pasukan ialah gaji dan elaun yang dari semasa ke semasa ditetapkan untuk seorang pegawai yang telah diberi pencen di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan pencen dan yang diambil kerja semula dalam perkhidmatan awam.

Cuti

60. Seseorang pegawai polis simpanan, dalam tempoh dia dikerah, hendaklah mendapat gaji penuh semasa cuti dengan kadar yang sama seperti seorang pegawai polis yang bersamaan pangkat dengannya.

Penahanan pencen

61. Seseorang pegawai polis simpanan hendaklah dalam tempoh dia dikerah terus mendapat pencen penuh yang dia berhak, tetapi tempoh dalam mana dia dikerah tidak boleh dianggap sebagai perkhidmatan berpencen.

Dilepaskan daripada Polis Simpanan

62. Seseorang pegawai polis simpanan boleh dilepaskan daripada Polis Simpanan—

- (a) jika dia bermastautin tetap di luar Malaysia; atau
- (b) jika dia diperakui oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan sebagai tidak layak selama-lamanya untuk bertugas.

Diberhentikan daripada Polis Simpanan dan rayuan

63. (1) Seorang pegawai polis simpanan yang dengan kelakuannya telah menunjukkan dirinya tak sesuai untuk berkhidmat selanjutnya boleh dibuang kerja, dan mana-mana pegawai polis simpanan yang perkhidmatannya tidak dikehendaki lagi atas apa-apa sebab boleh dilepaskan, daripada Polis Simpanan oleh Ketua Polis Negara:

Dengan syarat bahawa seorang pegawai polis simpanan yang telah dikerah untuk berkhidmat di bawah seksyen 55 tidak boleh dibuang kerja atau dilepaskan kecuali oleh Suruhanjaya Pasukan Polis.

(2) Mana-mana pegawai polis simpanan yang terkilan dengan pembuangan atau perlepasannya (kecuali pembuangan atau perlepasan itu oleh Suruhanjaya Pasukan Polis) boleh merayu kepada Menteri terhadap pembuangan atau perlepasan itu; dan keputusan Menteri mengenainya adalah muktamad.

Penamatkan perkhidmatan dalam masa pengerahan

64. Walau apa pun seksyen 15 dan 54 tetapi tertakluk kepada seksyen 62 tiap-tiap pegawai polis simpanan hendaklah dalam sesuatu tempoh darurat atau perang terus berkhidmat dalam Pasukan Polis—

- (a) selagi darurat atau perang itu berterusan;
- (b) sehingga dia telah genap lima belas tahun bersara daripada Pasukan; atau
- (c) sehingga dia telah mencapai umur enam puluh lima tahun, mengikut mana satu yang disebutkan itu berlaku awal sekali.

Pakaian seragam dan peralatan

65. (1) Seseorang pegawai polis simpanan hendaklah menyimpan dalam miliknya dan menyenggara dalam keadaan baik apa-apa pakaian seragam dan peralatan yang ditetapkan; dan pakaian seragam dan peralatan itu tidak boleh dipakai kecuali semasa Polis Simpanan tersebut dikerah atau pada masa-masa khas yang baginya kebenaran tertentu diberi oleh Ketua Polis Negara.

(2) Subseksyen 17 (1) dan (2) hendaklah terpakai bagi seorang pegawai polis simpanan apabila sahaja dia terhenti menjadi anggota Polis Simpanan.

Menempatkan semula dalam pekerjaan sivilian pegawai polis dalam Polis Simpanan

66. (1) Adalah menjadi kewajipan majikan yang telah mengambil kerja mana-mana pegawai polis simpanan selama tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum sahaja tarikh pegawai itu dikerah di bawah Bahagian ini mengambil kerja semula pegawai itu apabila dia selesai menjalankan perkhidmatan aktif menurut pengerahan itu termasuk apa-apa cuti yang terhak baginya bagi perkhidmatan itu dalam pekerjaan dan di bawah syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang tetap dipakai baginya sekiranya dia tidak dikerah.

(2) Mana-mana majikan yang tidak mengambil kerja semula mana-mana pegawai polis simpanan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan, tertakluk sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa dalam apa-apa prosiding di bawah subsekyen ini adalah menjadi suatu pembelaan bagi majikan menunjukkan bahawa pegawai polis simpanan yang telah diambil kerja olehnya dahulu itu telah tidak, sebelum tamat satu bulan selepas selesai perkhidmatan aktif, memohon kepada majikan untuk bekerja semula atau bahawa, setelah ditawarkan pekerjaan semula olehnya,

pegawai itu telah tidak, tanpa sebab yang munasabah, menghadirkan diri untuk bekerja pada masa dan di tempat yang telah diberitahu kepadanya oleh majikan itu, atau bahawa oleh sebab perubahan hal keadaan (lain daripada mengguna khidmat seseorang lain bagi mengantikannya)—

- (a) adalah tidak praktik untuk mengambil kerja semula pegawai itu; atau
- (b) pengambilan kerja semula pegawai itu dalam suatu pekerjaan dan di bawah syarat yang tidak kurang baiknya daripadanya yang akan dipakai baginya sekiranya dia tidak dikerah adalah tidak praktik, dan bahawa majikan itu telah menawarkan untuk mengambil kerja semula pegawai itu dalam suatu pekerjaan yang paling baik dan di bawah syarat yang paling baik yang semunasabahnya praktik di bawah hal keadaan itu.

Penalty

67. Seseorang pegawai polis yang dikerah di bawah seksyen 55 yang tanpa sebab yang munasabah, yang mana beban pembuktian hendaklah terletak ke atasnya, tidak melapor di tempat dan pada masa yang ditetapkan di dalam suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 56, tidak berpakaian seragam dengan sempurna dan melengkapi diri mengikut skala yang ditetapkan, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

BAHAGIAN XI

KOR KADET POLIS DIRAJA MALAYSIA

Penubuhan Kor Kadet

68. (1) Maka hendaklah ditubuhkan dalam dan bagi mana-mana kawasan dalam Malaysia yang diisyiharkan dengan perintah oleh Menteri suatu badan bernama Kor Kadet Polis Diraja Malaysia

(kemudian daripada ini disebut “Kor Kadet”) yang hendaklah terdiri daripada sebilangan pegawai kanan Kor Kadet, pegawai rendah Kor Kadet dan kadet yang diizinkan dari semasa ke semasa oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Kor Kadet hendaklah ditubuhkan mengikut bahagian, subbahagian dan unit sebagaimana ditetapkan dari semasa ke semasa.

(3) Kor Kadet hendaklah digabungkan dengan Pasukan tetapi anggota Kor Kadet bukanlah pegawai polis mengikut pengertian Akta ini.

Anggota Kor Kadet

69. (1) Seseorang (bukan anggota Angkatan Tentera Malaysia atau mana-mana pasukan ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis), yang berumur tidak rendah daripada dua puluh satu tahun atau lebih daripada lima puluh tahun, yang memiliki kelayakan yang ditetapkan, boleh menawarkan dirinya dan boleh diterima untuk dilantik sebagai pegawai kanan Kor Kadet.

(2) Seseorang yang menjalani pelajaran sepenuh masa di mana-mana sekolah yang ditetapkan oleh Menteri, boleh mendaftar dan diterima dalam Kor Kadet sebagai seorang kadet.

Pelantikan, kenaikan pangkat dan pembuangan kerja Pegawai Kadet dan Kadet

70. (1) Pegawai kadet bolehlah dilantik ke pangkat pegawai kanan Kor Kadet atau pegawai rendah Kor Kadet, mengikut mana yang berkenaan selaras dengan kelayakan mereka.

(2) Pegawai kanan Kor Kadet berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas boleh dengan persetujuan Menteri dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Ketua Polis Negara.

(3) Pegawai kanan Kor Kadet berpangkat Ketua Inspektor atau ke bawah boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Ketua Polis Negara.

(4) Pegawai rendah Kor Kadet dan kadet boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Pegawai Memerintah:

Dengan syarat bahawa orang yang diberi kuasa melantik mananya pegawai kadet atau kadet di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai kuasa untuk menghendaki pegawai kadet atau kadet itu meletakkan jawatan jika orang itu berpendapat bahawa pegawai kadet atau kadet itu tidak berupaya atas apa-apa sebab, menjalankan dengan cekap tugas yang dikehendaki atau mungkin dikehendaki supaya dilaksanakan olehnya sebagai pegawai kadet atau kadet.

Peletakan jawatan

71. Mana-mana anggota Kor Kadet boleh meletakkan jawatan daripada Kor Kadet dengan memberi satu bulan notis secara bertulis kepada Pegawai Memerintah.

Gaji dan elaun

72. Seseorang anggota Kor Kadet hendaklah berkhidmat secara sukarela dan tidak berhak menerima apa-apa saraan bagi perkhidmatannya, kecuali elaun yang ditetapkan.

Pembubaran

73. Apabila didapati bermanfaat oleh Menteri, dia boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong; membubar atau menghentikan Kor Kadet atau mana-mana bahagian daripadanya.

BAHAGIAN XII

DISIPLIN

Pegawai polis tertakluk kepada peraturan-peraturan disiplin

74. Semua anggota Pasukan hendaklah tertakluk kepada peraturan-peraturan berhubungan dengan disiplin yang boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa di bawah Fasal

(2) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan atau di bawah seksyen 96 Akta ini.

Denda didapati daripada potongan gaji

75. Semua denda yang dikenakan oleh atau di bawah kuasa Pihak Berkuasa Disiplin berkenaan dengan kesalahan terhadap disiplin boleh didapati dengan memotong gaji, ditolak elaun dan bayaran ketukangan yang kena dibayar, atau akan kena dibayar kepada pesalah:

Dengan syarat bahawa potongan gaji itu tidak akan dalam mana-mana keadaan melebihi satu pertujuh daripada gaji bulanan, ditolak elaun dan bayaran ketukangan, pesalah itu, dan, jika lebih daripada satu perintah potongan gaji berkuat kuasa dengan serentak terhadap pesalah, sekian banyak sahaja gajinya akan ditahan supaya sekurang-kurangnya pesalah itu menerima tiga perempat daripada gaji tersebut, tidak termasuk elaun dan bayaran ketukangan.

Gaji penuh tidak terakru semasa tidak hadir tanpa kebenaran atau semasa dalam penjara

76. Tiada apa-apa gaji dan elaun, termasuk bayaran ketukangan tetapi tidak termasuk elaun sewa rumah akan terakru kepada mana-mana pegawai polis bagi mana-mana tempoh yang dia tidak hadir bertugas tanpa kebenaran atau sebab yang memuaskan, atau sedang menjalani apa-apa hukuman penjara:

Dengan syarat bahawa Pihak Berkuasa Disiplin boleh, mengikut budi bicaranya, membenarkan dibayar apa-apa kadar gaji, elaun dan bayaran ketukangan yang tidak lebih daripada separuh, sebagaimana difikirkannya patut.

Senjata kelengkapan, dsb. yang hilang atau rosak hendaklah diganti dengan potongan gaji

77. Walau apa pun terkandung dalam mana-mana undang-undang lain, jika mana-mana pegawai menggadai, menjual,

menghilangkan kerana abai, membuang atau dengan sengaja atau dengan cuai merosakkan apa-apa senjata api, amunisi, perlengkapan, pakaian seragam atau artikel lain berupa harta yang diamanahkan kepada atau secara sah ada dalam milik Pasukan dan dibekalkan kepadanya, atau apa-apa harta yang diserahkan kepada jagaannya dalam perjalanan tugasnya, atau apa-apa harta yang disita atau diambil olehnya ke dalam jagaannya dalam perjalanan tugasnya, dia boleh, sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti apa-apa penalti lain, diperintahkan mengganti, sama ada kesemuanya atau sebahagiannya, nilai harta itu atau amaun kerugian atau kerosakan itu, mengikut mana yang berkenaan, dan nilai itu atau amaun itu boleh didapati melalui penahanan gajinya, termasuk elaun, selain daripada elaun sewa rumah dan bayaran ketukangan.

Tahan kerja

78. (1) Jika difikirkan perlu untuk kepentingan awam supaya seseorang pegawai polis berhenti menjalankan kuasa dan fungsi jawatannya dengan serta-merta, Pihak Berkuasa Disiplin boleh menahan kerja pegawai polis itu, sementara menanti apa-apa penyiasatan mengenai kelakuan pegawai polis itu di bawah Akta ini atau mana-mana Peraturan-Peraturan Polis yang dibuat di bawahnya atau mana-mana peraturan atau perintah yang terpakai kepada pegawai lain yang mempunyai taraf yang sama di dalam perkhidmatan awam.

(2) Kuasa, keistimewaan dan faedah yang terletak hak pada pegawai polis yang telah ditahan kerja di bawah subseksyen (1) hendaklah tergantung semasa ditahan kerja:

Dengan syarat bahawa pegawai polis itu hendaklah terus tertakluk kepada pihak berkuasa dan disiplin yang sama seolah-olah dia tidak ditahan kerja dan dia tidaklah semata-mata oleh sebab ditahan kerja terhenti menjadi pegawai polis.

(3) Dalam apa-apa tempoh pegawai polis ditahan kerja yang menunggu perbicaraan atau prosiding disiplin di mana dia disabitkan atau didapati salah, pegawai polis itu hendaklah menerima separuh daripada gaji dan elaun-elaunnya, kecuali elaun sewa rumah

hendaklah dibayar dengan penuh. Tiada apa-apa bayaran ketukangan boleh terakru dalam apa-apa tempoh tahan kerja:

Dengan syarat bahawa Pihak Berkuasa Disiplin boleh, mengikut budi bicaranya, membenarkan dibayar apa-apa kadar gaji dan elaun yang lebih tinggi sebagaimana difikirkannya patut.

Jawatankuasa Siasatan bagi Jabatan berkenaan dengan kematian atau kecederaan mana-mana pegawai polis atau berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan harta

79. (1) Pegawai Memerintah boleh mengadakan suatu Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat kematian atau kecederaan mana-mana pegawai polis atau kehilangan atau kerosakan apa-apa harta yang diamanahkan kepada atau yang secara sah ada dalam milik Pasukan. Jawatankuasa Siasatan itu hendaklah terdiri daripada seorang Yang Dipertua, yang mana hendaklah seorang pegawai kanan polis berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa, dan seorang anggota atau lebih, sebagaimana diarahkan oleh Pegawai Memerintah itu.

(2) Jawatankuasa Siasatan yang diadakan di bawah subseksyen (1) untuk menyiasat kematian atau kecederaan seorang pegawai polis hendaklah diberi kuasa mengemukakan dapatan dan syor seperti berikut:

- (a) sama ada si mati atau orang yang cedera itu sedang bertugas pada masa kematian atau kecederaan itu;
- (b) sama ada kematian atau kecederaan itu boleh dikaitkan secara lansung kepada jenis tugas yang mana si mati atau orang yang cedera itu telah diguna khidmat;
- (c) sama ada kematian atau kecederaan itu disebabkan oleh keingkaran si mati atau orang yang cedera itu;
- (d) sama ada pencen, ganjaran atau elaun patut dibayar menurut Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawah Akta ini

atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain;

- (e) sama ada apa-apa tindakan perlu untuk mencegah berlakunya di masa depan kematian atau kecederaan yang serupa ke atas pegawai polis yang lain.

(3) Jawatankuasa Siasatan yang diadakan di bawah subseksyen (1) untuk menyiasat apa-apa kehilangan atau kerosakan apa-apa harta yang diamanahkan kepada atau yang secara sah ada dalam milik Pasukan hendaklah mengemukakan dapatan dan syor kepada Pegawai Memerintah seperti berikut:

- (a) anggaran kos kerugian atau kerosakan;
- (b) tanggungjawab tiap-tiap seorang terhadap kehilangan atau kerosakan itu;
- (c) tindakan yang perlu untuk mencegah berlakunya di masa depan kehilangan atau kerosakan yang serupa;
- (d) cara bagaimana kos kerugian atau kerosakan boleh didapatkan atau dibayar sebagai ganti kepada pemunya harta itu yang sah.

(4) Dalam seksyen ini ungkapan “pegawai polis” meliputi semua orang yang dilantik atau diguna khidmat untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini; dan ungkapan “Pasukan” meliputi semua badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini.

Kuasa pegawai kanan polis yang mengadakan penyiasatan untuk menyaman saksi

80. (1) Pegawai kanan polis yang diberi kuasa untuk menjalankan penyiasatan ke atas suatu kesalahan terhadap disiplin dan Yang Dipertua mana-mana Jawatankuasa Siasatan yang diadakan di bawah seksyen 79 boleh memohon kepada Majistret supaya mengeluarkan suatu saman untuk mendapatkan seorang yang difikirkan tahu akan

hal keadaan perkara itu supaya hadir sebagai saksi di hadapan pegawai polis itu. Atas permohonan itu, Majistret boleh mengeluarkan saman dengan sewajarnya dan saksi itu adalah diwajibkan menjawab dengan sebenarnya semua soalan berhubungan dengan perkara itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai polis itu, dan hendaklah mengemukakan semua dokumen yang relevan dengan perkara itu.

(2) Seseorang yang disaman sebagai saksi di bawah subseksyen (1) yang tidak hadir pada masa dan tempat yang dinyatakan dalam saman itu atau pada masa penangguhan, atau enggan menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan padanya secara sah atau enggan mengemukakan apa-apa dokumen yang dia berkuasa mengemukakannya, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh dikenakan denda satu ratus ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa tiada apa jua yang terkandung dalam seksyen ini boleh menjadikan mana-mana orang terpaksa menjawab apa-apa soalan atau mengemukakan apa-apa dokumen berkenaan dengan apa-apa perkara yang akan dilindungi daripada dizahirkan atas alasan keistimewaan jika prosiding itu diadakan di mana-mana mahkamah.

BAHAGIAN XIII

KUMPULAN WANG POLIS

Kumpulan Wang Polis

81. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu kumpulan wang bernama Kumpulan Wang Polis yang akan dikendalikan sebagai Akaun Amanah dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(2) Kumpulan Wang Polis (dalam Bahagian ini disebut sebagai “Kumpulan Wang”) hendaklah terdiri daripada—

(a) denda yang dikenakan ke atas pegawai polis dalam mana-mana prosiding disiplin;

- (b) satu perdua daripada jumlah wang yang dibayar bagi perkhidmatan tambahan atau khas yang diberi oleh pegawai polis;
- (c) semua jumlah wang dan harta lain yang diberi kepada pegawai polis dan dilucuthakkan atas perintah mahkamah;
- (d) apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Kumpulan Wang di bawah seksyen 22;
- (e) derma atau hadiah yang diberikan kepada Kumpulan Wang atau kepada anggota perseorangan Pasukan masing-masing dan diterima oleh Ketua Polis Negara; dan
- (f) pendapatan yang didapati daripada pelupusan harta yang telah dibeli atau didapati daripada pelaburan daripada wang Kumpulan Wang.

Kumpulan Wang Polis dan maksud Kumpulan Wang

82. (1) Kumpulan Wang hendaklah dikawal oleh Ketua Polis Negara tertakluk kepada apa- apa kaedah- kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah digunakan bagi maksud—

- (a) memberi hadiah kepada pegawai polis bagi perkhidmatan tambahan atau khas yang diberi oleh mereka;
- (b) mengadakan bagi pegawai polis yang sedang berkhidmat atau telah bersara atau telah diberhentikan dengan pencen, ganjaran atau elau, apa-apa keselesaan, kesenangan atau kemudahan atau faedah lain yang tidak dipertanggungkan kepada hasil awam; dan
- (c) memberi pinjaman atas terma yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah kepada pegawai polis yang sedang berkhidmat atau telah bersara atau telah diberhentikan

dengan penceن atau ganjaran atau kepada orang tanggungan pegawai polis yang telah mati.

Pemindahan kumpulan wang

83. Semua wang dan aset atau harta lain jika ada yang terkandung dalam atau dipegang di bawah atau bagi mana-mana kumpulan wang polis yang diadakan atau ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang yang telah dimansuhkan oleh Akta ini termasuk apa-apa bunga yang terakru di atasnya jika ada, sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Akta ini, apabila sahaja permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai dipindahkan kepada Kumpulan Wang dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Bahagian ini.

Tafsiran

84. Dalam Bahagian ini ungkapan “pegawai polis” meliputi pegawai polis tambahan, anggota Polis Simpanan, Sukarelawan Simpanan Polis dan Polis Bantuan dan mana-mana anggota pasukan polis dari mana-mana wilayah yang ada dalam Malaysia di bawah Akta ini.

BAHAGIAN XIV**AM****Membawa senjata**

85. Seseorang pegawai polis boleh dalam melaksanakan tugasnya membawa senjata.

Pembolosan

86. (1) Mana-mana pegawai polis yang tanpa sebab yang munasabah, yang mana beban pembuktian hendaklah terletak ke atasnya, tidak menghadirkan dirinya untuk menjalankan tugas selama

tempoh dua puluh satu hari berterusan atau dalam hal keadaan yang menunjukkan bahawa dia bertujuan tidak akan kembali menjalankan tugasnya hendaklah disifatkan sebagai telah membolos, dan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan.

(2) Jika seorang telah disabitkan di bawah seksyen ini, Pihak Berkuasa Disiplin bolehlah mengarahkan supaya semua tunggakan gaji yang kena dibayar kepada orang itu dilucuthakkan.

(3) Dalam subseksyen (1) ungkapan “pegawai polis” meliputi pegawai polis tambahan, anggota Polis Simpanan dan Sukarelawan Simpanan Polis apabila dikerah di bawah Akta ini dan mana-mana anggota pasukan polis dari wilayah lain yang ada dalam Malaysia di bawah Akta ini.

Dahagi

87. Mana-mana pegawai polis yang menyebabkan, mengapikan, atau masuk serta dalam apa-apa dahagi atau penderhakaan dalam Pasukan atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk menyebabkan dahagi atau penderhakaan itu, atau tidak berusaha dengan sedaya upayanya untuk menumpaskan apa-apa dahagi atau penderhakaan itu atau, setelah mengetahui akan apa-apa dahagi atau penderhakaan atau cadangan akan apa- apa dahagi atau penderhakaan, tidak, tanpa berlengah-lengah, memberi maklumat mengenainya kepada pegawai polis atasannya, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

Penalty kerana menyebabkan penderhakaan

88. (1) Seseorang yang menyebabkan atau cuba menyebabkan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikira akan menyebabkan perderhakaan di kalangan anggota Pasukan atau mendorong atau cuba mendorong mana-mana anggota itu supaya tidak memberi perkhidmatannya atau supaya melakukan langgaran disiplin adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan

hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya. Mana-mana pegawai kanan polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini.

(2) Dalam seksyen 87 dan seksyen ini ungkapan “pegawai polis” meliputi semua orang yang dilantik atau diguna khidmat untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini dan mana-mana anggota polis dari suatu wilayah lain yang ada dalam Malaysia di bawah Akta ini; dan ungkapan “Pasukan” meliputi semua badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini dan pasukan polis dari suatu wilayah lain yang mana-mana anggotanya mungkin ada dalam Malaysia di bawah Akta ini.

Memiliki, membuat, menjual atau membekalkan secara haram peralatan yang dibekalkan kepada pegawai polis dan penggunaan pakaian seragam polis tanpa kebenaran

89. Seseorang, yang bukannya seorang pegawai polis, yang—

- (a) didapati ada dalam miliknya apa-apa peralatan yang telah dibekalkan kepada mana-mana pegawai polis untuk melaksanakan tugasnya, atau apa-apa pingat atau bintang penghormatan yang diberi kepada mana-mana pegawai polis kerana keberanian, perkhidmatan atau kelakuan baik, dan yang tidak dapat menerangkan dengan memuaskan bagaimana ia ada dalam miliknya, atau yang, tanpa kebenaran yang sah, membeli atau menerima apa-apa peralatan itu, pingat atau bintang penghormatan atau yang membantu atau bersubahat dengan mana-mana pegawai polis dalam menjual atau melupuskan apa-apa peralatan, pingat atau bintang penghormatan itu;
- (b) tanpa kebenaran yang sah membuat, menjual atau membekal, atau menawar untuk menjual atau membekal, suatu faksimile munasabah apa-apa lencana atau tanda yang digunakan untuk menunjukkan bahawa seseorang itu adalah anggota Pasukan atau mana-mana badan yang

ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini, atau suatu faksimile munasabah apa-apa lencana atau tanda yang digunakan untuk menunjuk pangkat seseorang anggota Pasukan atau seseorang anggota mana-mana badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini, atau suatu faksimile munasabah apa-apa pingat atau bintang penghormatan yang diberi kepada mana-mana pegawai polis kerana keberanian, perkhidmatan atau kelakuan baik atau yang membantu atau bersubahat dengan mana-mana orang yang membuat, menjual atau membekal faksimile itu; atau

- (c) tanpa kebenaran seorang Pegawai Memerintah, secara haram memakai, menggunakan atau memamerkan kecuali semasa mengadakan permainan pentas atau pertunjukan panggung lain, apa-apa pakaian seragam Pasukan atau apa-apa lencana atau tanda untuk menunjukkan yang dia seorang anggota Pasukan atau mana-mana badan lain yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini, atau apa-apa pakaian yang berupa atau mempunyai tanda tertentu pakaian seragam itu,

melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Kelakuan tidak senonoh di balai polis

- 90.** Seorang yang berkelakuan rusuh, lucah, tidak senonoh atau aib di balai polis melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Pegawai polis boleh menangkap tanpa waran bagi kesalahan di bawah subseksyen 31(2), seksyen 86, 87, 89 dan 90

- 91.** Seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melanggar atau yang disyaki dengan munasabah telah melakukan mana-mana kesalahan di bawah subseksyen 31 (2), seksyen 86, 87, 89 dan 90.

Pegawai polis tidak boleh menjadi anggota Kesatuan Sekerja

92. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang lain, seseorang pegawai polis yang, tertakluk kepada Akta ini, menjadi atau selepas tamat satu bulan dari mula berkuat kuasanya Akta ini masih menjadi, seorang anggota mana-mana kesatuan sekerja, atau mana-mana persatuan yang mempunyai tujuan politik, atau mana-mana parti politik adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud seksyen ini apa-apa soalan sama ada mana-mana badan adalah kesatuan sekerja atau persatuan yang dimaksudkan oleh seksyen ini hendaklah diputuskan oleh Menteri.

(3) Dalam seksyen ini ungkapan “pegawai polis” meliputi pegawai polis tambahan dan mana-mana anggota pasukan polis dari suatu wilayah lain yang ada di dalam Malaysia di bawah Akta ini.

Persatuan polis

93. Bagi maksud untuk membolehkan pegawai polis menimbangkan dan membawa kepada perhatian Kerajaan semua perkara yang melibatkan kebijakan dan kecekapan mereka, termasuk gaji, penceن dan syarat perkhidmatan, lain daripada soalan yang melibatkan kenaikan pangkat individu dan disiplin, suatu persatuan atau lebih boleh ditubuhkan dan persatuan itu hendaklah dikendalikan serta ditadbir menurut kaedah-kaedah. Mana-mana persatuan sedemikian dan cawangannya hendaklah pada keseluruhanya bebas daripada dan tidak bersekutu dengan mana-mana badan atau orang di luar Pasukan, dan hendaklah dikecualikan daripada mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran pertubuhan.

Penalti am

94. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada apa-apa penalti lain yang diperuntukkan dengan nyata, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kaedah-kaedah

95. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat kaedah-kaedah yang tidak berlawanan dengan Akta ini, bagi menjalankan maksud Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh kluasan yang tersebut di atas, Yang di-Pertuan Agong boleh membuat kaedah-kaedah berhubungan dengan semua atau mana-mana perkara berikut:

- (a) pengelasan dan kekananan pelbagai gred, pangkat dan pelantikan dalam Pasukan dan dalam semua badan lain yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini;
- (b) pemberian dalam hal-hal tertentu darjah kehormat kepada mana-mana orang dan masa mana-mana orang itu boleh memakai pakaian seragam darjah kehormat itu;
- (c) bayaran pencen dan ganjaran, gaji dan elauan dan pampasan kepada anggota Pasukan dan anggota semua badan lain yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini;
- (d) pentadbiran Kumpulan Wang Polis;
- (e) semua perkara yang, di bawah Akta ini, boleh diadakan atau ditetapkan melalui kaedah-kaedah;
- (f) secara amnya bagi faedah dan pentadbiran Pasukan dan semua badan lain yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini.

Peraturan-Peraturan Polis

96. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan yang bernama “Peraturan-Peraturan Polis” yang tidak berlawanan dengan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh kluasan yang tersebut di atas, Yang di-Pertuan Agong boleh membuat Peraturan-Peraturan Polis, berhubungan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) kenaikan pangkat dan penurunan pangkat;
- (b) disiplin, termasuk pentakrifan kesalahan disiplin, tatacara disiplin dan mengawal selia dan melaksanakan hukuman;
- (c) kenaikan pangkat dan peperiksaan kemahiran;
- (d) perihal dan pengeluaran senjata, amunisi, perlengkapan, pakaian seragam dan keperluan untuk dibekalkan kepada anggota Pasukan dan kepada anggota badan lain yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini;
- (e) kebenaran untuk tidak hadir;
- (f) bayaran yang dikenakan kepada anggota awam atau pihak berkuasa berkanun bagi perkhidmatan tambahan dan khas oleh polis dan untuk salinan laporan, pelan dan gambar foto yang dibuat oleh pegawai polis;
- (g) semua perkara yang, di bawah Akta ini, boleh diperuntukkan atau ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Polis.

Perintah Tetap

97. Ketua Polis Negara boleh mengeluarkan perintah pentadbiran, bernama “Perintah Tetap”, yang tidak berlawanan dengan Akta ini atau dengan kaedah-kaedah atau Peraturan-Peraturan Polis yang dibuat di bawahnya, untuk kawalan dan arahan dan maklumat am Pasukan dan semua badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini.

Pemansuhan dan kecualian

98. Undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga adalah dengan ini dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa apa-apa kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau perintah yang dibuat di bawah undang-undang yang dimansuhkan di bawah seksyen ini setakat mana ianya tidak berlawanan dengan Akta ini, hendaklah masih berkuat kuasa, dan terus berkuat kuasa sehingga digantikan atau dibatalkan dengan kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau perintah yang dibuat di bawah Akta ini.

Masa peralihan

99. (1) Berkenaan dengan anggota Pasukan seperti ditubuhkan di bawah Akta ini, peruntukan-peruntukan berikut hendaklah berkuat kuasa—

- (a) kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam perenggan (b) bagi tujuan membayar pencen, ganjaran atau elaun lain kepada anggota Pasukan, Ordinan Pencen 1951 [*Ord. I tahun 1951*], bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan apa-apa kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan perintah pada masa tersebut berkuat kuasa di Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah terpakai kepada anggota itu; dan bagi maksud perenggan ini Ordinan, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan perintah yang tersebut di atas hendaklah diperluaskan ke Negeri Sabah dan Sarawak dengan pengubahsuaian yang mungkin perlu untuk menguatkuasakan perenggan ini;
- (b) anggota Pasukan yang kepadanya mana-mana undang-undang lain berhubungan dengan pencen, ganjaran dan elaun lain dipakai sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah seterusnya terikat oleh undang-undang itu; dan jika mana-mana undang-undang itu dimansuhkan oleh Akta ini undang-undang itu hendaklah walaupun telah dimansuh bagi maksud perenggan ini sahaja terus

dikuat kuasakan dan mempunyai kesan ke atas anggota tersebut;

(c) berkenaan dengan anggota Pasukan di Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak, tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh atau mengambil daripada mana-mana anggota apa-apa terma atau syarat perkhidmatan yang diberi kepadanya atau dinikmati atau didapati oleh mereka sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Berkenaan dengan anggota mana-mana badan bantuan yang ditubuhkan atau didirikan di bawah mana-mana undang-undang yang dimansuhkan oleh Akta ini, anggota itu hendaklah walaupun dimansuhkan undang-undang itu terus menjadi anggota badan tersebut seolah-olah badan itu ditubuhkan atau didirikan di bawah Akta ini sehingga dilepaskan atau dilantik mengikut Akta ini.

Mengubahsuai undang-undang lain

100. Apa-apa rujukan dalam mana-mana undang-undang lain kepada pangkat yang diadakan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang yang dimansuhkan oleh Akta ini hendaklah selepas permulaan kuat kuasa Akta ini diubah suai dan ditafsirkan sebagai pangkat yang setara yang diadakan atau dibenarkan oleh Akta ini.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2 dan subseksyen 5(2)]

PANGKAT POLIS

1. PEGAWAI KANAN POLIS—

Ketua Polis Negara

Timbalan Ketua Polis Negara

Pesuruhjaya

Timbalan Pesuruhjaya

Penolong Kanan Pesuruhjaya
 Penolong Pesuruhjaya
 Penguasa
 Timbalan Penguasa
 Penolong Penguasa
 Ketua Inspektor
 Inspektor Kanan
 Inspektor
 Inspektor Percubaan.

2. PEGAWAI RENDAH POLIS—

Sub-Inspektor
 Sarjan Mejar
 Sarjan
 Koperal.

3. KONSTABEL

JADUAL KEDUA

[Seksyen 13, 39 dan 48]

AKUAN JAWATAN

Saya, (nama), adalah dengan sesungguh, ikhlas dan sebenarnya mengaku bahawa saya akan berkhidmat dengan baik dan taat sebagai (jawatan) Polis Diraja Malaysia dan akan menurut mempertahankan dan memelihara undang-undang Malaysia, dan bahawa saya akan melaksanakan kuasa dan tugas jawatan saya dengan jujur dan rajin.

Diakui di pada.....haribulan.....20.....

.....
Tandatangan

Dihadapan saya,

.....

JADUAL KETIGA

[Seksyen 98]

PEMANSUHAN

(1)	(2)	(3)
P.T.M. 14 tahun 1952 ...	Ordinan Polis ...	Keseluruhannya
Sarawak Bab 22 ...	Ordinan Konstabel ...	Keseluruhannya kecuali peruntukan-peruntukan seksyen 50 berhubungan dengan kesalahan disiplin sehingga digantikan dengan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 96(2)(b) Akta ini
Sabah Bab 101	Ordinan Pasukan Polis ...	Keseluruhannya kecuali peruntukan-peruntukan seksyen 30 berhubungan dengan kesalahan disiplin sehingga digantikan dengan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 96(2)(b) Akta ini
Akta 30 tahun 1963 ...	Akta Polis Diraja Malaysia ...	Keseluruhannya
Akta 69 tahun 1966 ...	Akta Polis Diraja Malaysia (Pindaan)	Keseluruhannya

APPENDIKS

**PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN (PENGUBAHSUAIAN AKTA POLIS) 1985**

(P.U. (A) 197/1985)

AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2) 1984

**PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PENGUBAHSUAIAN
AKTA POLIS) 1985**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 6(3) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Akta Polis) 1985** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuat kuasa pada 16hb April 1984.

Pengubahsuaian Akta Polis 1967 dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya

2. (1) Ubah suaian yang dinyatakan dalam Jadual, iaitu ubah suaian yang didapati perlu atau bermanfaat oleh Yang di-Pertuan Agong bagi menghapuskan kesulitan atau oleh sebab lulusnya Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984, hendaklah dibuat dalam peruntukan-peruntukan Akta Polis 1967 .

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Polis 1967 hendaklah dibaca bersama-sama dengan perubahan yang bersamaan tentang nama atau gelaran sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskan perundangan subsidiari itu dengan Akta Polis 1967 sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah ini.

JADUAL

(1) Peruntukan Akta Polis 1967	(2) Ubahsuaian
Seksyen 2 ...	Masukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) In so far as this Act and any other written law apply to the Federal Territory of Labuan, references to “police district” and “Officer in Charge of Police District” in such laws shall, until police districts are specified by the Inspector General of Police within the Federal Territory of Labuan, be construed as references to “the police contingent of the Federal Territory of Labuan” and “Chief Police Officer of the Federal Territory of Labuan” respectively; and where such law provide for an appeal to the Chief Police Officer against the decision of an Officer in Charge of Police District, such appeal shall be read as an appeal to the Inspector General of Police.”.

Diperbuat pada 9hb Mac 1985.
[KDN. R.H. 41/902/1 Klt. 3; PN. (PU²) 415.]

Dengan Titah Peritah,

TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED
Setiausaha Jemaah Menteri

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 344

AKTA POLIS 1967

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A45	Akta Polis (Pindaan) 1971	30-04-1971
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A347	Akta Polis (Pindaan) 1976	01-06-1976
Akta A354	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976	27-08-1976; kecuali s.45: 01-01-1976
Akta A514	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981	15-05-1981; kecuali s.19: 27-08-1976
Akta A516	Akta Polis (Pindaan) 1981	29-05-1981
Akta A685	Akta Polis (Pindaan) 1987	08-01-1988
Akta A1421	Akta Polis (Pindaan) 2012	23-04-2012
Akta A1495	Akta Polis (Pindaan) 2015	18-01-2016

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 344

AKTA POLIS 1967

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A516	29-05-1981
21	Akta A1421	23-04-2012
26	Akta A685	08-01-1988
27	Akta A685 Akta A1421	08-01-1988 23-04-2012
27A-27C	Akta A685 Akta A1421	08-01-1988 23-04-2012
30	Akta A685	08-01-1988
33	Akta A1495	18-01-2016
49A	Akta A347	01-06-1976
96	Akta A45	30-04-1971
